




TENAGA BURUH, NOVEMBER 2024

Kadar pengangguran kekal pada 3.2 peratus, merekodkan 546.7 ribu penganggur

PENGANGGURAN

BILANGAN PENGANGGUR DAN KADAR PENGANGGURAN, MALAYSIA, NOV 2023 - NOV 2024



3.2%

Kadar pengangguran bulan November kekal pada 3.2 peratus

▼0.1mp ↔0.0mp

Pengangguran mengikut kategori

Penganggur aktif Penganggur tidak aktif

79.8% 20.2%

NOV 2024


▼4.0% 436.2 ribu ▼3.6%
▼0.9% 110.6 ribu ▼0.7%

OKT 2024

440.0 ribu 111.4 ribu

PENDUDUK BEKERJA

BILANGAN PENDUDUK BEKERJA DAN NISBAH GUNA TENAGA KEPADA PENDUDUK, MALAYSIA, NOV 2023 - NOV 2024




Penduduk bekerja mengikut taraf pekerjaan

74.9%


▲1.4% ▲0.1%

Bilangan penduduk bekerja pada November 2024 terutamanya adalah terdiri daripada kategori pekerja, meliputi 74.9 peratus



TENAGA BURUH

BILANGAN TENAGA BURUH DAN KADAR PENYERTAAN TENAGA BURUH (KPTB), MALAYSIA, NOV 2023 - NOV 2024




70.5%

Kadar penyertaan tenaga buruh kekal pada 70.5 peratus seperti bulan sebelumnya

▲0.4pp ↔0.0pp

KPTB mengikut jantina



LUAR TENAGA BURUH



OKT 2024



NOV 2024

▼0.1% ▼0.02%

Komposisi terbesar bagi luar tenaga buruh adalah kerja rumah/ tanggungjawab keluarga



Kerja rumah/ tanggungjawab keluarga

43.1%




Bersekolah/ latihan

42.3%

Peratus perubahan (tahun ke tahun) mp Mata peratus
Peratus perubahan (bulan ke bulan) Tidak berubah

Penganggur dan kadar pengangguran, November 2023 - November 2024



Bilangan penganggur turun kepada 546.7 ribu orang pada November 2024, merekodkan kadar pengangguran 3.2 peratus

- Bilangan **tenaga buruh** pada bulan November 2024 terus mengukuh dengan kenaikan sebanyak **0.1 peratus** merekodkan **17.29 juta orang** (Oktober 2024: 17.27 juta orang). **Kadar penyertaan tenaga buruh** tidak berubah iaitu pada **70.5 peratus**, seperti yang direkodkan pada bulan lalu.
- Bilangan **penganggur** terus berkurang kepada **546.7 ribu orang**, turun sebanyak **0.9 peratus** daripada 551.4 ribu orang pada Oktober 2024.
- **Kadar pengangguran** bagi November 2024 kekal pada **3.2 peratus**, seperti pada bulan sebelumnya.
- Bilangan **penduduk bekerja** berada pada trend menaik, meningkat sebanyak **0.2 peratus** kepada **16.75 juta orang** pada November 2024, berbanding 16.72 juta orang pada Oktober 2024.
- Mengikut sektor ekonomi, sektor **Perkhidmatan** terus merekodkan peningkatan dalam bilangan penduduk bekerja, terutamanya dalam **aktiviti Perdagangan borong & runcit; Pengangkutan & penyimpanan; serta Maklumat & komunikasi**. Trend yang sama dalam bilangan guna tenaga juga dilihat dalam sektor **Pembuatan, Pembinaan, Perlombongan & pengkuarian**, dan **Pertanian** pada November 2024.
- Bagi penduduk di **luar tenaga buruh**, bilangan penduduk yang tidak berada dalam tenaga buruh berubah sedikit pada bulan November 2024, dengan sedikit penurunan sebanyak **0.02 peratus** kepada **7.23 juta orang** (Oktober 2024: 7.23 juta orang).

